

19/06/1999

Anwar ada hubungan seks dengan lelaki: Tun Haniff

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar memberitahu mahkamah, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai hubungan seksual dengan seorang lelaki rakyat Pakistan dan seorang lagi, ketika bekas Menteri Kewangan itu memegang jawatan itu pada 1993.

Sehubungan itu, katanya, beliau menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Oktober 1993 untuk menyampaikan maklumat berhubung hubungan Anwar dengan dua orang yang dikenali itu.

"Tujuan saya menemui PM (Perdana Menteri) adalah Cawangan Khas dalam siasatannya mendapat bukti Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu Menteri Kewangan mempunyai hubungan intim dengan dua orang yang dikenali.

"Saya menyampaikan maklumat itu kepada PM. Saya menambah satu hubungan itu membabitkan warganegara asing dari Pakistan. Saya difahamkan dia mempunyai taraf PR (pemastautin tetap) Amerika Syarikat. Saya bimbang menteri itu mungkin terdedah kepada kemungkinan peras ugut.

"Oleh sebab PM tidak tunjuk apa-apa reaksi, saya menekankan bukti yang ada pada Cawangan Khas adalah kukuh. Tetapi dia (PM) masih tidak tunjuk reaksi.

"Pada saya itu sudah mencukupi sekiranya dia boleh ambil tindakan untuk menghalang sebarang kemungkinan peras ugut. Saya puas hati dan saya meninggalkan dia begitu saja," katanya.

Mohd Haniff yang kini Timbalan Pengerusi Genting Bhd, berkata beliau pergi menemui Perdana Menteri bersama Datuk Zulkifli Abdul Rahman, Pengarah Cawangan Khas ketika itu.

Pertemuan itu, katanya, berlangsung lima atau 10 minit pada jam 8.30 atau 8.35 pagi, 9 Oktober 1993 beberapa hari sebelum beliau bersara sebagai Ketua Polis Negara.

Menurutnya, beliau yang berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 8 Jun 1974 bersara pada 17 Oktober 1993.

Menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, apakah terjadi selepas pertemuan dengan Perdana Menteri, beliau menjawab: Datuk Andrew Leong, seorang pengarah Johan Holdings datang ke pejabat saya berjumpa dengan saya.

Leong, katanya, adalah ahli kelab badminton yang dipengerusikannya sejak 1981.

Abdul Gani: Apakah tujuan Datuk Andrew Leong berjumpa Tun?

Mohd Haniff: Dia menyampaikan permintaan Datuk Seri Anwar untuk saya berjumpa dengannya dan saya katakan "tentulah boleh dan apakah tujuannya". Kalau tidak silap saya dia katakan satu perkara berkaitan dengan apa yang saya sampaikan pada PM. Saya katakan bila dan di mana nak jumpa saya. Dan dia katakan dia akan menghubungi saya kembali. Pada petang itu dia telefon saya dan memberitahu Anwar mahu menemui saya di rumahnya esok selepas sembahyang subuh.

Beliau menemui Anwar di rumahnya di No 8 Jalan Setia Murni, Bukit Damansara di sini, dan ketika itu Leong juga ada di rumah berkenaan.

Kepada soalan Abdul Gani, Mohd Haniff memberitahu mahkamah Anwar ada menanya kepadanya berapa banyak pegawai yang tahu mengenai hubungan seksualnya itu.

Abdul Gani: Apa maksud pegawai itu?

Mohd Haniff: Dia tidak sebut pegawai apa, saya anggap pegawai itu adalah pegawai polis yang tahu perkara itu. Dia tidak sebut perkara itu, saya